

24 DEC 2000

Mahathir-Kekayaan

CAPAI KEKAYAAN BAGI BANTU YANG LEMAH, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mahu orang Islam di negara ini berusaha mencapai kekayaan supaya mereka dapat membantu golongan yang kurang bernasib baik dengan kesenangan yang dinikmati itu.

Beliau berkata kerajaan tidak mahu melihat orang Islam menjadi miskin yang akibat kemiskinan itu boleh membawa kepada pelbagai perkara buruk.

"Kita hendak mereka kaya supaya dapat menolong orang miskin, dapat membina masjid dan surau bagi mengerjakan ibadat. Di negara ini kebanyakan orang Islam yang telah mencapai kekayaan berkongsinya dengan menolong kaum seagamanya," katanya semasa berucap pada majlis berbuka puasa bersama kira-kira 1,000 penduduk di Masjid Al-Bukhary di Kompleks Al-Bukhary, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata akibat kemiskinan jugalah umat Islam di negara lain ditindas oleh golongan yang lebih maju.

"Kita lihat banyak negara Islam masih mundur dan tidak aman. Negara Islam lain tidak dapat buat apa-apa bagi melindungi yang kena tindas itu kerana negara-negara Islam tidak mempunyai sebuah negara Islam yang benar kuat yang dapat melindungi negara Islam yang lemah.

"Selagi negara Islam tiada kekuatan dan kekayaan, dan tiada negara Islam yang berkuasa besar yang dapat melindungi umat Islam, selagi itulah mereka akan ditindas," katanya.

Dr Mahathir juga berkata institusi masjid penting dalam usaha penyatuan ummah.

"Masjid penting kerana di situ orang Islam berjumpa sehingga dapat merapatkan hubungan, bersatu padu dan menginsafi tentang nasib golongan miskin," katanya.

Perdana Menteri kemudian bersolat maghrib di masjid di kompleks itu.

Turut hadir pada majlis itu adalah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

-- BERNAMA

MAN MZM AKD